

# Bangga sebagai Melayu di siber



**MOHD RAMAN DAUD**  
raman@sph.com.sg

AGAKNYA jati diri orang Melayu Singapura tidak kuat, terutama dari segi bahasa bondanya.

Itulah tanggapan beberapa teman pemakalah serumpun dari negara-negara jiran apabila bersembang tentang kisah mereka bersua dengan orang Melayu Singapura.

Kata mereka, generasi muda Melayu Singapura kelu atau kekok berbahasa bondanya.

Setujukah anda?

Antara buktinya ialah hasil tinjauan Institut Pengajian Dasar (IPS) terhadap blog warga Singapura yang dibentangkan pada awal bulan ini.

Didapati pemblog (*blogger*) Cina dan India tekak menggunakan bahasa bonda masing-masing iaitu Cina dan Tamil.

Sebaliknya pemblog Melayu lebih cenderung menggunakan bahasa campur aduk.

Hanya segelintir pemblog Melayu yang gigih menggunakan bahasa Melayu, terutama dalam membicarakan soal agama.

Soal penggunaan bahasa merupakan antara dapatan IPS, selain menyelongkar persoalan-persoalan utama seperti pengungkapan isu politik atau ehwal semasa.

## BLOG BUKAN GOBLOK

Blog merupakan sebahagian fenomena yang disebut 'media sosial'. Ia 'meledak' di seluruh dunia sebagai ganti media massa yang sering dilihat dikuasai pihak berkuasa atau pihak berkepentingan sehingga suara awam dipenyapkan.


Dengan adanya Internet, golongan yang ingin bersuara secara 'bebas' kini menemui peluang sehingga boleh mencabar pemerintah sampai-sampai mengadakan rapat rakasa menuntun hak asasi.

Masih ingat lagi tanggapan mantan Menteri Penerangan Malaysia, Datuk Zainuddin Maidin?


Beliau dikenali sebagai Zam iaitu mantan ketua pengarang *Utusan Melayu*. Beliau pernah ditukil menyifatkan 'blog' sebagai *goblok* (dari bahasa Jawa bermakna bodoh).

Ternyata media sosial merubah suasana politik Malaysia sehingga mendorong gelombang ombak atau tsunami pembangkang yang nyaris-nyaris berkuasa.


Kini Datuk Zainuddin, 74 tahun, juga mempunyai blognya sendiri, yang antara lain mengulas perihal Perdana Menteri Lee Hsien Loong yang fasih berbahasa Melayu.



**MEMULIS BLOG:** Kebanyakan pemblog Melayu, terutama generasi muda Melayu Singapura, dikatakan lebih cenderung menggunakan bahasa campur aduk iaitu Melayu dan Inggeris. - Foto AFP



Pengguna Internet menurut bahasa (2011)



Bahasa isian dalam laman sawang pada 12 Mac 2014

Sumber: INTERNET WORD STATS

## DARI BLOK KE FB

Namun blog tenggelam timbul kerana pemblog perlu membayar ruangnya. Oleh itu, ramai yang beralih ke Facebook (FB) atau apa saja ruang yang asalkan percuma, senang dicapai (*access* atau ada kala dimelayukan menjadi *akses*) lagi mudah dan ringkas menguruskannya, termasuk lewat telefon bimbit.

Kajian mengenai bahasa yang digunakan di Internet menunjukkan bahasa Inggeris masih di tempat pertama dari segi penggunaannya dan isi laman.

Namun, selepas Internet dapat dicapai di China, negara terbesar penduduknya, Cina

kini dikatakan sebagai bahasa nombor dua di alam maya atau siber.

Menurut urutan bahasa penting di dunia yang dijejerkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), bahasa terbesar dunia ialah Cina dan diikuti Inggeris.

Bahasa Melayu/Indonesia juga dianggap bahasa besar dengan 300 juta penutur.

## MASYARAKAT KOMPUTER

Kajian Internet World Stats dan Internet Live Stats menunjukkan 2.8 bilion manusia di seluruh dunia dihubungkan dengan siber. Tetapi berapa banyak orang Melayu?

Kadar pengguna yang menggunakan ba-

hasa Melayu/Indonesia hanya 0.4 peratus di seluruh dunia. Laman atau isian dalam bahasa Melayu/Indonesia juga rendah.

Hal ini mungkin dapat dijelaskan bahawa:

► rumpun Melayu (jauh lebih besar daripada penduduk Korea yang hampir 100 peratus mempunyai capaian Internet) mempunyai capaian (akses) komputer atau kadar cecik komputer yang rendah, atau

► orang Melayu lebih senang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu campur aduk dengan Inggeris sehingga laman-lamannya tidak dapat dikenal pasti sebagai laman Melayu.

Di negara yang tidak menggunakan Ing-

geris sebagai lingua franca, maka bahasa bonda menjadi amat penting dan tidak pula menjejaskan kemajuan, hujah Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin, Presiden Lembaga Antarabangsa bagi Buku Anak Muda (IBBY).

Oleh itu, pengaruh besar bahasa Inggeris di negara-negara Komanwel menjejaskan bahasa bonda. Lantaran itu, diperlukan Dasar Dwibahasa untuk memastikan bahasa ibunda tidak mudah terhakis.

## JATI DIRI

Tetapi mengapa banyak pemblog Melayu sahaja yang berasa kelu atau kekok berbahasa Melayu?

Lama sebelum Internet menjadi basahan hidup, saya pernah menulis untuk majalah *Sekata* terbitan Majlis Bahasa Melayu Singapura bahawa isu ini harus dikaji secara psikologi atau kejiwaan.

Permasalahan besar generasi muda Melayu ialah adakah mereka mengenal pasti diri mereka sebagai orang Melayu dan yakin untuk berbahasa bondanya?

Alah bisa, tegal biasa. Demikian peribahasa atau 'hadis' orang tua-tua lalu untuk menyatakan bahawa apa jua yang sukar atau janggal dapat diatasi dengan membiasakan diri.

## TEKANAN SOSIAL

Dalam 1970-an, ketika mengikuti perbincangan dalam persatuan atau badan Melayu, sukar ditemui orang berbahasa Inggeris. Bahkan jika selalu bertutur Inggeris, akan terpancut tekanan sosial bahawa si penutur itu sebagai 'biadab' kerana bertutur dalam bahasa orang putih atau mat salih.

Namun, tekanan sosial begini berkurangan apabila badan Melayu/Islam sudah terbiasa berbahasa Inggeris sampai-sampai kepada kegiatan masjid.

Malah, kelas madrasah hujung minggu juga dalam bahasa Inggeris.

Apabila ibu bapa di rumah juga berbahasa Inggeris dan kekok hendak bercakap bahasa ibunda, maka sudah tiada lagi rasa 'bersalah' untuk tidak mengangkat bahasa ibunda.

Banci Penduduk selang sedekad menunjukkan bahawa kadar penggunaan bahasa ibunda di rumah orang Melayu terus merosot.

Oleh itu, salahnya pada diri kita sendiri - dari stesen televisyen dan radio yang menggunakan bahasa yang kacau - seperti diulas oleh Haji Wan Hussin Zoohiri, mantan Anggota Parlimen, sehinggalah dalam urusan persatuan, masjid dan sebagainya.

Saya akur dengan tanggapan Pengarah Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), Dr Mohd Shamsuri Juhari:

"Penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris yang campur aduk adalah satu keprihatinan kerana ia melambangkan status bahasa tersebut serta nilainya dalam kalangan masyarakat Melayu. Jika kita tidak selesai menulis dalam bahasa bonda sendiri, ia melambangkan tanggapan bahawa kita tidak metakkan nilai tinggi pada bahasa ibunda kita."